

# Pemimpin Umno mesti mesra rakyat

WMA 64-17/2/2007

Oleh: Zulkofli Jamaludin, Nazura Ngah dan Suhana Roslan

**D** UNGUN: Datuk Seri Najib Razak semalam mengingatkan pemimpin dan ahli Umno berpijak di bumi nyata dengan sentiasa dekat dan mesra bersama rakyat sebagai persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Serentak itu, Timbalan Presiden Umno menggariskan lima peringatan yang perlu dilaksanakan kepimpinan Umno, termasuk pada peringkat akar umbi bagi memastikan jentera Barisan Nasional (BN) sentiasa bersedia.

Lima peringatan itu ialah:

- Janji kepada rakyat perlu ditunaikan seperti terkandung dalam manifesto pilihan raya;

- Pemimpin dan ahli melaksanakan kerja dan amanah yang dipertanggungjawabkan;

- Mengurangkan masalah dalaman dan persengketaan dalam parti;

- Pemimpin mempunyai sikap luhur dan pekerti mulia; dan

- Memberikan khidmat dan membela nasib rakyat.

Beliau berkata, parti juga perlu menyemak semula segala janji yang diberikan kepada rakyat supaya mereka lebih yakin dengan dasar di bawa BN.

"Buatlah apa saja supaya pengundi senang dengan Umno dan BN," katanya ketika merasmikan Jentera Pilihan Raya Peti Undi dan Ketua Lima (K5) Umno Terengganu di Dewan Aspirasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Dungun, di sini, semalam. Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin.



PELANTIKAN: Najib menyampaikan watakah pelantikan kepada ahli jawatankuasa jentera pilihan raya pada majlis perasmian Jentera Pilihan Raya Peti Undi dan Ketua Lima (K5) Umno Terengganu di UiTM cawangan Dungun, semalam.

Terengganu yang mempunyai 318 peti undi di lapan kerusi Parlimen dan 32 Dewan Undangan Negeri (DUN) menjadi negeri pertama melancarkan jentera peti undi dan K5.

Sementara itu ketika ditemui pemberita, Najib berkata, beliau tidak menganggap pelancaran jentera pilihan raya yang dilakukan Umno Terengganu itu dibuat terlalu awal.

Beliau berkata, Umno Terengganu yakin pelancaran itu akan mantapkan kedudukan parti tanpa berasakan kehilangan stamina atau semangat apabila pilihan raya

umum diadakan.

"Persiapan awal itu tiada kaitan bila pilihan raya hendak diumumkan oleh presiden parti," katanya.

Beliau berkata, parti juga perlu mengkaji bukan saja faktor penyumbang kepada kemenangan pada Pilihan Raya Umum 2004, malah perlu meneliti faktor kekalahan yang menyebabkan BN kecundang di Terengganu dan kemerosotan undi di negeri lain pada 1999.

Katanya, pilihan raya umum 1999 ibarat tsunami politik sehingga BN tersungkur di Terengganu.

"Oleh itu, kita sama sekali jangan lupa peristiwa itu dan jadikannya iktibar pada kita. Pada masa sama kita perlu mengkaji faktor kemenangan dalam Pilihan Raya Umum 2004, terutama di Terengganu," katanya.

Najib berkata, untuk memastikan impian menjadi realiti, biarlah tidak ada sama sekali masalah dalaman dalam parti.

Sementara itu, Idris mengumumkan strategi baru bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan menukar slogan Gelombang Biru kepada Lautan Biru.

SAFULLIZAN TAMADI | BERITA HARIAN